

Headline	Dijangkiti AIDS Gara gara Suami Lupa Diri		
MediaTitle	Harmoni		
Date	15 Nov 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	41,123
Page No	80	Readership	150,000
Language	Malay	ArticleSize	473 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZALIFAH ABDULLAH	AdValue	RM 2,448
Frequency	Fortnight	PR Value	RM 7,345



**TitianHidup**

Oleh: Zalifah Abdullah

# Dijangkiti AIDS Gara-gara Suami Lupa Diri

**P**ERTEMUANKU dengan Rosman lapan tahun lalu melahirkan perasaan cinta dalam hati kami. Bagiku Rosman seorang lelaki yang memiliki kriteria suami idamanku. Lantas saat dirinya menyatakan hasrat hati untuk menyunting diriku sebagai isterinya, aku segera menerima lamaran itu dengan rasa gembira dan penuh kesyukuran.

Alam perkahwinan kami lalu dengan penuh bahagia dan harmoni. Biar pun hidup dalam keadaan serba sederhana kerana Rosman hanya seorang pekerja biasa di sebuah agensi kerajaan tapi rumah tangga kami dilimpahi kasih sayang. Dan ikatan kasih itu menjadi semakin kukuh dengan kehadiran buah cinta pertama, Ariana. Saat itu dunia seakan menjadi milik kami. Semuanya cukup indah dan membahagiakan.

Sebagai seorang suami dan bapa yang bertanggungjawab, Rosman sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap ekonomi keluarga kami. Apa sahaja kerja yang halal dan mendatangkan rezeki akan dilakukannya. Segala rasa penat ditolak ke tepi demi merealisasikan hasratnya untuk mengumpul modal dan memiliki perniagaan sendiri suatu hari nanti.

Katanya lagi, dia mahu aku dan anak-anak kami hidup senang dan sempurna. Malah dia juga berharap kesenangan yang diperoleh akan membuatnya mampu menyara pendidikan anak-anak sehingga ke menara gading kerana dia tidak mahu anak-anak mengalami nasib seperti dirinya yang terpaksa membanting tulang hanya untuk mencari sesuap nasi gara-gara tidak berpendidikan tinggi.

Ketekunan dan usaha gigih Rosman akhirnya berjaya membuahkan hasil. Perniagaan yang dilakukannya mula membuahkan hasil dan mendapat

keuntungan yang agak lumayan. Hidup kami sekeluarga mula berubah. Daripada menyewa di rumah flat, kami kini sudah memiliki rumah teres yang agak selesa dan mewah.

## LUPA DIRI

Sayangnya kebahagiaan itu tidak berlangsung lama. Seiring dengan peningkatan perniagaannya, Rosman mulai lupa diri. Memang dia masih lagi menunaikan tanggungjawabnya sebagai suami dan bapa dengan baik, tapi perangnya semakin berubah. Dia sudah pandai pulang lewat malam dan bersosial di kelab-kelab malam. Malah meneguk air syaitan sudah menjadi hobi baru buatnya sejak bergelar 'orang kaya'.

Perubahan itu membuatkan rumah tangga kami tidak lagi harmoni. Walaupun dilimpahi wang ringgit hidupku sengsara. Apatah lagi, sejak kebelakangan ini dia sering pulang di waktu dinihari dan tidak lagi mempedulikan diriku dan Ariana.

Dalam diam, aku mengintip segala pergerakan suaminya. Hasilnya aku tahu bahawa Rosman kini sudah pandai melanggan pelacur untuk melayan nafsunya. Aku berasa cukup terpukul dengan hakikat itu. Apa kurangnya aku, sehingga dia sanggup mencurangi diriku dan mengkhianati ikatan perkahwinan kami.

Perasaanku cukup pedih. Ingin sahaja aku membunuh dirinya yang tega berlaku curang dengan pelacur. Namun, akal waruku menghalangnya. Dan aku tabahkan hati dan menyebarkan diri demi puteri tunggalku yang masih memerlukan kasih sayang bapanya.

## JATUH SAKIT

Kesabaranku akhirnya membuahkan hasil. Rosman tidak lagi berpelesenan di luar rumah dan sering menghamburkan masanya bersamaku dan Ariana. Malangnya, sekali lagi kebahagiaan

kami diragut apabila Rosman disahkan HIV positif dan menghidap AIDS.

Duniaku seakan gelap apabila menerima berita itu daripada doktor yang merawat Rosman apatah lagi saat itu aku turut disahkan hamil anak kedua kami. Namun sebagai isteri, aku tetap setia merawat dirinya yang sakit sehingga akhirnya suaminya itu menghembuskan nafasnya yang terakhir tiga bulan selepas pengesahan itu.

Penderitaan hidupku seperti tidak mahu berhenti. Aku turut disahkan menghidap AIDS. Pengesahan itu membuatkan hidupku benar-benar terpuruk. Masyarakat memandangkan seperti sampah yang tidak bernilai.

Mujurlah aku memiliki keluarga yang mampu menerima diriku seadanya. Berkat nasihat serta sokongan yang diberikan aku kembali bangkit dan mampu menjalani kehidupan seperti insan biasa. Malah hidupku dirasakan semakin bererti kerana aku dapat berkongsi cerita dengan rakan-rakan senasib dan memberikan motivasi kepada para pesakit AIDS yang lain.

Namun di sebalik kebahagiaan itu, aku harus menerima kenyataan yang lebih pahit lagi apabila anak keduaku yang baru sahaja dilahirkan turut menderitai AIDS. Ya Tuhan, mengapa beratnya dugaan yang Engkau berikan kepadaku. Aku menangis dan menangis menerima kenyataan pahit dalam diriku untuk kesekian kalinya.

Hatiku kembali bergolak. Tapi aku tahu aku tidak boleh hanyut dalam kesedihan demi anak-anakku. Aku tidak seharusnya membiarkan kesedihan menghancurkan hidupku. Justeru, aku kuatkan diri untuk melawan virus HIV bersama bayiku.

Aku akan berusaha menjalani kehidupan dengan sebaik mungkin. Hidup dan matiku, aku serahkan kepada Tuhan Yang Maha Esa meskipun doktor menyatakan hidupku hanya mampu bertahan selama lima tahun sahaja.

Aku melewati hari-hari dengan memperbanyakkan ibadat kepada Tuhan. Aku ingin mati dalam iman. Dan aku juga berdoa agar sisa-sisa hidupku tidak akan menyusahkan orang lain. Lebih daripada itu, aku amat berharap agar ada insan berhati mulia yang mahu dan sanggup menjaga kedua-dua anakku dengan penuh kasih sayang. ☪